

# **KENYATAAN AKHBAR**

*Untuk siaran segera*

## **MENTERI KANAN KERJA RAYA UMUM INISIATIF PRIHATIN CIDB UNTUK MERINGANKAN BEBAN KONTRAKTOR DAN PENGGIAT INDUSTRI PEMBINAAN**

**KUALA LUMPUR, 7 Mei 2020** – Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Hj Fadillah Yusof, hari ini mengumumkan beberapa inisiatif oleh Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang bertujuan mengurangkan beban kontraktor dan penggiat industri pembinaan di dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) COVID-19.

“Di dalam keadaan negara yang sedang mengalami cabaran kritikal dari segi kesihatan dan ekonomi akibat penularan wabak Coronavirus (COVID-19), CIDB telah melihat semula proses dan transaksi berkaitan penggiat industri dan telah memperkenalkan beberapa perubahan di dalam tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang,” kata Dato' Sri Hj Fadillah Yusof.

Antara inisiatif ini termasuk, kelonggaran syarat pendaftaran kontraktor, penangguhan bayaran levi untuk projek swasta dan penangguhan yuran latihan kompetensi kemahiran serta yuran Penilaian Kompetensi Kemahiran untuk pekerja tempatan.

**Butiran Inisiatif Prihatin ini adalah seperti berikut:**

BIL	PERKARA	INSENTIF
<b>KONTRAKTOR</b>		
1	Penangguhan Pembayaran Levi (untuk projek swasta sahaja)	Semua pengisytiharan baru bagi projek yang bermula pada 01 Januari 2020 sehingga 31 Mei 2020 akan diberi tempoh penangguhan bayaran levi selama 2 bulan (termasuk tempoh liabiliti 30 hari).  Bermula pada 01 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020, kontraktor layak untuk memohon ansuran bayaran levi sebanyak 6 kali.
2	Kelonggaran syarat pendaftaran kontraktor	Mengecualikan keperluan mata CCD dalam syarat pembaharuan pendaftaran kontraktor untuk tahun 2020 (April – Disember)
3	Penangguhan Pengenaan Syarat MCORE (G1) ke 2021	Syarat mewajibkan penilaian MCORE untuk Kontraktor G1 yang dijadualkan bermula 1 Mei 2020 ditangguhkan ke 01 Jan 2021. Semua permohonan pembaharuan pendaftaran kontraktor (PPK) bagi gred G1 hanya perlu mempunyai penilaian MCORE yang masih sah tanpa syarat penarafan Tahap (Level).
4	Pengecualian syarat SKP dan Kursus Integriti	Keperluan Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) Bisnes/Fasiliti dan Kursus Integriti dikecualikan dalam syarat pembaharuan pendaftaran kontraktor baru dari 1 April sehingga 31 Disember 2020
<b>PERSONEL BINAAN</b>		
5	Penangguhan Yuran Penyertaan Latihan Kemahiran Personel Binaan Tempatan	Latihan Kemahiran Personel Binaan (Tempatan) di beri secara percuma sehingga akhir 2020
6	Penangguhan Yuran Penilaian Kompetensi Kemahiran PKK	Mengecualikan yuran penyertaan Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK) bagi pekerja tempatan dan menawarkan diskaun 50% untuk yuran penilaian bagi pekerja asing sehingga akhir 2020
7	Insentif Yuran Latihan Dalam Penyeliaan Dan Pengurusan	Memberikan diskaun 50% bagi yuran latihan di bawah program penyeliaan dan pengurusan (SSS, CSHO, TMO, SS etc.)
8	Kad Pendaftaran Personel Binaan	Melanjutkan tempoh sah Perakuan Personal Binaan Sementara dari 2 bulan ke 6 bulan
<b>BAHAN BINAAN</b>		
9	Insentif Yuran Certificate of Approval (COA	Mengurangkan fi COA dari RM1000 kepada RM750 bermula 15 Mei 2020 sehingga 31 Disember 2020.

Maklumat lanjut berkenaan industri pembinaan layari: [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) atau sertai Telegram Rasmi CIDB di <https://t.me/cidbmy>.

---

**Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---